

KEPIMPINAN WANITA DALAM NOVEL *MATRIARK* KARYA SAMSIAH MOHD. NOR

MUHD NORIZAM JAMIAN
Universiti Kebangsaan Malaysia
norizam@ukm.my

NURSYAZA ILYANA SHAHRUDDIN
Universiti Kebangsaan Malaysia
nursyazailyanaa@gmail.com

ABSTRAK

Wanita memainkan peranan yang semakin luas dalam kehidupan moden termasuklah sebagai pemimpin. Sebagaimana lelaki, wanita turut mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tersendiri. Kepimpinan wanita turut diangkat dalam karya kesusasteraan seperti novel *Matriark* oleh Samsiah Mohd. Nor (2018). Namun kajian berhubung ciri-ciri yang membentuk citra kepimpinan wanita dalam novel masih belum menjadi fokus peneliti sastera Melayu. Sehubungan itu, makalah ini menganalisis kepimpinan wanita dalam novel *Matriark* menggunakan landasan teori kepimpinan transformasi yang dipelopori oleh Burns (1978) dan Bass (1990). Objektif makalah ini ialah menganalisis ciri-ciri kepimpinan yang membentuk citra wanita sebagai pemimpin dalam novel *Matriark*. Metodologi kajian melibatkan pendekatan kualitatif yang merangkumi dua kaedah iaitu kajian kepustakaan dan analisis kandungan. Kajian kepustakaan dilakukan untuk mendapatkan maklumat berkaitan kepimpinan daripada pelbagai sumber rujukan seperti makalah jurnal, tesis dan buku ilmiah. Analisis kandungan pula dilakukan terhadap novel *Matriark* melalui teknik bacaan rapi, pentafsiran dan penganalisan bersandarkan teori kepimpinan transformasi. Hasil penelitian mendapati bahawa ciri-ciri yang membina citra kepimpinan wanita dalam novel *Matriark* boleh dikupas berdasarkan empat dimensi, iaitu karisma, rangsangan intelek, motivasi berinspirasi dan pertimbangan individual. Natiujahnya, novel *Matriark* mengangkat keunggulan citra wanita Melayu sebagai pemimpin organisasi berkualiti yang bukan sahaja komited untuk merubah organisasinya tetapi pada masa yang sama, komited untuk mengubah dan membangunkan pengikutnya.

Kata kunci: Citra pemimpin; kepimpinan; *Matriark*; Samsiah Mohd. Nor; transformasi; wanita

WOMEN'S LEADERSHIP IN *Matriark* NOVEL BY SAMSIAH MOHD. NOR

ABSTRACT

The role of women is becoming more extensive in modern life including as a leader. Women also have their own leadership characteristics as men. Women's leadership was also lifted in literary works such as the *Matriark* novel by Samsiah Mohd. Nor (2018). However, studies on the characteristics that make up the image of women's leadership in the novel have not yet been brought into the focus of researchers of Malay literature. In this regard, this paper analyses female leadership in the *Matriark* novel using the transformational leadership theory pioneered by Burns (1978) and Bass (1990). The objective of this paper is to analyse the leadership characteristics that form the image of women as leaders in the *Matriark* novel. The research methodology involves a qualitative approach that includes two methods, namely library research and content analysis. Library research is conducted to obtain information related to leadership from various reference sources such as journal papers, theses and scholarly books. Content analysis on *Matriark* novel is conducted through intensive reading techniques, interpretation and analysis based on the transformational leadership theory. The results of the study found that the characteristics that build the image of female leadership in the *Matriark* novel can be analysed based on four dimensions, namely charisma, intellectual stimulation, inspirational motivation and individual consideration. As a conclusion, the novel lifts the image of Malay women as a quality organisational leader who is not only committed to transforming his organization but at the same time, committed to transforming and developing his followers.

Keywords: The image of a leader; leadership; *Matriark*; Samsiah Mohd. Nor; transformation; women

PENGENALAN

Pembicaraan tentang wanita sering mendapat perhatian dalam dunia sastera, sama ada wanita dijadikan sebagai bahan penceritaan, subjek kritikan atau penghasil karya. Sejak tahun 1920-an lagi, isu-isu berkaitan dengan wanita sering dibicarakan oleh para pengarang novel Melayu dalam penghasilan karya kreatif. Antara isu yang dikemukakan ialah pengorbanan, ketabahan, penderitaan dan penindasan yang dipaparkan selari dengan realiti kehidupan wanita pada zaman tersebut. Novel-novel yang dihasilkan oleh pengarang juga lebih cenderung kepada emansipasi wanita iaitu kebebasan dalam menentukan masa depan sendiri dan peluang mendapatkan pendidikan. Buktinya, novel Melayu pertama yang menjadi perintis kepada tema perjuangan wanita ialah *Hikayat Faridah Hanom* yang ditulis oleh Syed Syeikh al-Hadi pada tahun 1925. Kemudian, muncul pula beberapa buah novel yang mengangkat tema sama seperti *Iakah Salmah?* oleh Ahmad Rashid Talu pada tahun 1929, *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan* oleh Ahmad Kotot pada tahun 1927 dan *Mencari Isteri* oleh Muhammad Yusuf Ahmad pada tahun 1927. Hal ini menunjukkan bahawa sejak sekian lama, peranan wanita menjadi penting dalam karya kesusasteraan Melayu terutamanya dalam penulisan novel. Kesusasteraan Melayu menjadi platform dalam menyuarakan hak wanita melalui penulisan dan pembakar semangat kepada kaum wanita untuk terus berjaya.

Selepas tahun 1960-an, karya sastera yang membicarakan tentang wanita telah banyak mengalami perubahan dan anjakan paradigma. Kebanyakan novel yang dihasilkan selepas merdeka lebih memperlihatkan watak wanita sebagai elemen penting yang banyak memberi sumbangan besar dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Pencapaian wanita dalam bidang

kerjaya terutamanya kepimpinan pada masa kini tidak lagi diragui dan bukan menjadi satu isu baharu di Malaysia. Hal ini secara tidak langsung telah mengangkat martabat wanita dalam dunia kesusasteraan. Isu kepimpinan wanita ini turut diangkat dalam novel *Matriark* karya Samsiah Mohd. Nor (2018). Watak utama novel ini, Aisyah digambarkan sebagai matriark yang menjadi pemimpin kepada kelompok anak-anak gelandangan dan penduduk Kampung Sempadan yang terletak di ibu kota Kuala Lumpur dalam menghadapi asakan pembangunan serta kerasukan kapitalisme.

Aisyah mempunyai keberanian dan keyakinan untuk tampil sebagai seorang pemimpin yang serba boleh. Beliau merupakan pemilik Teratak Aisyah yang bukan sahaja menyediakan rumah tumpangan percuma, malahan turut menyediakan makanan dan mendidik anak-anak kurang bernasib baik itu dengan nilai-nilai agama serta sahsiah sebagai bekalan hidup. Usahanya mendapat tentangan daripada syarikat pemaju yang mahu merampas kembali tanah Kampung Sempadan yang menempatkan Teratak Aisyah kerana dikatakan hak kerajaan. Aishah dengan bantuan penduduk kampung berusaha membuktikan bahawa mereka merupakan pewaris sah kepada satu-satunya kampung Melayu yang masih wujud di tengah-tengah kepesatan pembangunan kota raya. Setelah berdepan dengan pelbagai cabaran, wanita tersebut akhirnya dapat merungkai permasalahan yang dihadapi dan menemui jalan keluar. Gambaran watak wanita ini sesuai dengan realiti sebenar kehidupan masa kini.

Pada era kontemporari ini, isu kesamarataan, pencapaian gender, kepimpinan dan pemimpin wanita menjadi wadah perbincangan yang bukan lagi bersifat lokal, sebaliknya menjangkau wacana penyelidikan global. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa kaum wanita memainkan peranan yang semakin luas dalam kehidupan moden. Wanita yang pada mulanya menceburi bidang ekonomi dan sosial akhirnya terbawa ke dalam bidang politik. Namun, masih terdapat keraguan sama ada penyertaan wanita dalam pelbagai bidang wajar dan boleh memberi faedah. Kerap terdapat perasaan tidak senang terhadap kehadiran wanita sebagai pemimpin. Persoalannya, adakah benar wanita masih dikekang perubahan dan kebolehannya untuk menjadi pemimpin? Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar statistik penyertaan tenaga buruh untuk wanita telah meningkat dari 55.6% (2018) kepada 55.7% (2019). Akhbar *Sinar Harian* (2019) melaporkan meskipun terdapat peningkatan, penglibatan wanita Malaysia pada peringkat kepimpinan dan pembuat dasar masih rendah. Direkodkan, pada 2018 seramai 1,010 (15.7%) daripada jumlah 6,245 kerusi anggota lembaga pengarah di semua syarikat tersenarai awam diisi golongan wanita. Sementara, dalam 100 buah syarikat awam tersenarai teratas menyaksikan penyertaan wanita sebagai anggota lembaga pengarah meningkat kepada 24.4% (2018) berbanding 19.27% (2017). Sememangnya masih jauh daripada sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan agar 30% pengisian anggota lembaga pengarah di syarikat tersenarai awam adalah dalam kalangan wanita menjelang tahun 2020. Wanita masih dianggap sebagai tidak bersedia dan berkelayakan untuk memikul tanggungjawab sebagai anggota lembaga pengarah walaupun mereka dikenal pasti sebagai berkemampuan menduduki kerusi lembaga pengarah.

Situasi ini menggambarkan wujud unsur stereotaip gender secara tidak sedar khususnya dalam konteks kepimpinan. Apabila seseorang membuat penilaian ke atas pemimpin wanita melalui penggunaan stereotaip gender, mereka berkemungkinan tidak selesa menerima wanita sebagai pemimpin kerana hal ini sering dikaitkan dengan kaum lelaki (Eagly & Carli, 2007). Dalam novel *Matriark*, kepimpinan wanita merupakan salah satu isu yang turut dikemukakan oleh pengarang. Hal ini dapat dicerap pada watak utama Aisyah yang digambarkan sebagai pemimpin wanita yang tegas dan berani. Misalnya, Aisyah berani menentang pihak pemaju yang ingin merampas tapak yang menempatkan Teratak Aisyah secara lantang dan tegas seolah-olah dia berkuasa seperti lelaki. Tujuan Aisyah bertindak sedemikian adalah untuk mempertahankan haknya agar tidak mudah jatuh ke tangan pihak yang salah. Namun begitu, kelakuan ini dikaitkan dengan fenomena *double bind* yang bermaksud apabila dia

mempamerkan tingkah laku feminin, dia dianggap lemah tetapi apabila memperlihatkan tingkah laku maskulin, maka dia dianggap negatif (Eagly & Carli, 2007). Pada masa yang sama, tingkah laku maskulin dirasakan tidak sesuai dengan seorang wanita walaupun dia seorang pemimpin. Wanita juga dianggap tidak berkesan sebagai pemimpin sekiranya menunjukkan tingkah laku yang dikaitkan dengan peranan gender wanita seperti bekerjasama, kesepakatan antara subordinat, kawalan yang kurang dan penyelesaian berasaskan gerak hati, empati dan rasionalistik.

Sehubungan dengan itu, makalah ini akan merungkaikan permasalahan kajian iaitu sejauh manakah kepemimpinan wanita ditampilkan dalam novel *Matriark* dengan menjadikan teori kepemimpinan transformasi sebagai landasan kajian. Kajian sebegini masih belum pernah dilaksanakan terutamanya dalam konteks kesusasteraan Melayu. Lanjutan daripada permasalahan tersebut, makalah ini menyasarkan objektif untuk mengenal pasti citra wanita sebagai pemimpin yang digambarkan melalui watak wanita dalam novel tersebut. Watak yang diwujudkan oleh pengarang dalam novel merupakan elemen terpenting dan memainkan peranan yang tertentu dalam menggerakkan sesebuah penceritaan. Oleh itu, dengan mengenal pasti watak wanita yang dianggap sebagai pemimpin dalam novel tersebut, gambaran terhadap latar belakang, pemikiran dan tindak-tanduknya dapat diketahui dengan jelas. Secara tidak langsung, hal ini dapat mengangkat martabat dan kedudukan wanita dalam dunia kepemimpinan.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Beberapa kajian mengenai citra wanita dalam novel Melayu pernah dijalankan oleh para pengkaji terdahulu. Namun begitu, wujud kelompangan apabila kajian berhubung ciri-ciri yang membentuk citra kepemimpinan wanita dalam novel masih belum menjadi fokus peneliti sastera Melayu.

Kajian Shahizah (2013) memberi fokus mengenai isu pengekalanan peranan wanita yang stereotaip dalam karya-karya fiksyen sains. Hasil kajian mendapati bahawa walaupun genre fiksyen sains menampilkan watak-watak asing seperti cyborg, android dan sebagainya namun sifat-sifat wanita yang ditonjolkan adalah kekal dengan imej tradisional serta konvensional dalam masyarakat. Kajian ini merumuskan bahawa novel-novel fiksyen sains di Malaysia masih memaparkan imej wanita yang tidak berubah.

Sementara itu, Ungku Maimunah (2013) pula mengetengahkan Teori Persuratan Baru dalam mengupas novel *Bila Hujan Malam*. Ungku Maimunah merumuskan bahawa novel ini adalah sekadar sebuah karya yang memaparkan kedurjanaan manusia yang bernafsu serakah dan menyerlahkan persepsi tentang imej wanita sebagai objek seks. Memandangkan watak wanita dalam novel ini begitu rendah tarafnya, secara tidak langsung Ungku Maimunah meletakkan *Bila Hujan Malam* sebagai karya picisan.

Hasil penelitian Afirah (2014) pula menyerlahkan aspek citra wanita Melayu tradisional yang dijelmakan menerusi watak-watak wanita dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Harga Sebuah Maruah*. Penghuraian watak-watak wanita yang ditunjangi dengan ciri kewanitaan ini dilakukan dengan kemas oleh pengarang-pengarang lelaki sekali gus memperlihatkan citra wanita berdasarkan perspektif berlainan gender. Pendedahan tentang perkaitan antara watak Jeha dan Cah yang bukan sahaja terkenal dengan keayuannya malah watak wanita tersebut diangkat martabatnya setanding kaum lelaki. Justeru, kajian ini merungkai nilai-nilai yang terdapat dalam kedua-dua novel tersebut melalui citra wanita utama.

Kedudukan golongan wanita dalam sistem patriarki dan penjajah pula menjadi tumpuan Abdul Jalil (2014) dalam kajiannya terhadap novel-novel terpilih Pramoedya Ananta Toer. Dalam sistem patriarki, kekuasaan mutlak terletak pada kaum lelaki. Golongan wanita pula tersisih daripada golongan yang berkuasa iaitu lelaki. Oleh itu, golongan wanita tidak

mempunyai hak untuk bersuara malah langsung tidak diambil peduli oleh kaum lelaki. Hasil kajian menemukan bahawa kedudukan wanita sebagai golongan *subaltern* pada zaman penjajahan. Wanita pada zaman ini telah ditindas oleh penjajah dalam semua hal, malah ada yang dijadikan sebagai hamba seks kepada golongan penjajah.

Kajian oleh Norfadilla (2017) pula mengenal pasti perbandingan tema tentang wanita dalam dua buah novel pilihan iaitu novel *Hikayat Faridah Hanom* (1925) oleh Syed Syeikh al-Hadi dan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wick* (1937) oleh HAMKA. Pendekatan tematik oleh Sante Beuve (1868) digunakan untuk menganalisis persamaan dan perbezaan watak serta perwatakan watak wanita utamanya dalam dua teks bandingan. Implikasi kajian menunjukkan bahawa kedua-dua pengarang telah berjaya menaikkan martabat kaum wanita dan membuktikan mereka mampu berdaya saing sebaris dengan kaum lelaki supaya tidak dipandang rendah oleh masyarakat.

Antara kajian yang agak berkait rapat dengan kepimpinan wanita ialah kajian yang telah dihasilkan Rosnani dan Nik Rafidah (2018). Hasil kajian mendapati terdapat beberapa karisma wanita yang ditonjolkan dalam novel *Nenek* karya Razali Endun, iaitu karisma sebagai pemimpin, karisma sebagai pencinta kebudayaan Melayu, karisma sebagai wanita intelektual dan karisma sebagai wanita bertanggungjawab.

Dalam konteks yang lebih luas pula, Nurhasmira et al. (2019) meneliti emansipasi wanita dalam sosial menerusi novel-novel pilihan 1960-an sehingga 1990-an yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang wanita seperti Khadijah Hashim, Zaharah Nawawi dan Rosmini Shaari. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan Islam dalam meneliti hak dan kedudukan wanita dalam masyarakat. Kajian ini membuktikan bahawa para pengarang novel tersebut berjaya mengetengahkan ketokohan dan kejayaan kaum wanita tanpa mengabaikan tugas dan peranan asas mereka sebagai seorang isteri dan seorang anak kepada kedua orang tuanya. Kegigihan dan ketabahan wanita menerusi novel-novel tersebut membantu menghakis imej yang biasa dilukiskan pada kaum wanita sebagai insan yang negatif, lemah, pesimis dan sebagainya.

Hasil sorotan kajian lepas, penelitian terhadap aspek kepimpinan wanita berlandaskan teori kepimpinan masih belum pernah dilakukan. Kebanyakan kajian yang dijalankan lebih memfokuskan kepada citra atau imej wanita, emansipasi wanita dan sebagainya. Hal ini menjadi satu justifikasi kajian kepimpinan wanita dalam novel *Matriark* karya Samsiah Mohd. Nor berlandaskan teori kepimpinan transformasi dilakukan untuk mengisi ruang kajian yang masih kosong dalam konteks kesusasteraan Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif memandangkan pendekatan ini paling sesuai digunakan untuk memperoleh pemahaman yang mendalam tentang sesuatu isu yang diketengahkan dan juga mengeksplorasi sesuatu isu baharu atau kompleks (Hennink, Hutter & Bailey, 2012). Pendekatan kualitatif yang digunakan merangkumi dua kaedah iaitu kajian kepustakaan dan analisis kandungan.

Melalui kajian kepustakaan, bahan-bahan yang terdapat di dalam perpustakaan seperti Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Perpustakaan Institut Tamadun dan Alam Melayu (ATMA) dan Pusat Sumber di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjadi rujukan untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian. Menerusi kaedah ini, informasi diperoleh daripada buku ilmiah, makalah jurnal, tesis kajian sarjana dan ulasan artikel mengenai perbincangan

yang berkisar tentang teori kepimpinan, isu kepimpinan wanita dan kajian terdahulu berkenaan citra wanita dalam novel Melayu. Rujukan yang luas ini membantu kajian terperinci dijalankan.


Seterusnya kaedah analisis kandungan novel *Matriark* dilakukan untuk memperoleh latar kajian serta maklumat yang sesuai dengan kajian. Pengutipan dan pengumpulan maklumat tersebut disaring dengan menggunakan teknik bacaan rapi, ditafsirkan dan dianalisis bersandarkan teori kepimpinan transformasi.

Teori Kepimpinan Transformasi

Teori kepimpinan transformasi diperkenalkan oleh Burns (1978) namun idea ini diperkembangkan lagi oleh Bass (1990). Menurut pandangan Burns (1978), beliau melihat pemimpin transformasi sebagai satu proses tolong-menolong antara pemimpin dengan pengikut dalam usaha meningkatkan tahap motivasi dan moraliti. Apabila pemimpin mencapai tahap motivasi dan moraliti yang tinggi, para pengikutnya akan turut serta ke arah itu. Dalam hal ini, para pengikut akan menjadi pemimpin, sementara pemimpin menjadi agen moral.

Bass (1990) pula mengembangkan idea Burns dengan melihat kepimpinan transformasi berdasarkan cara bagaimana pemimpin mempengaruhi pengikutnya bagi membolehkan dirinya dipercayai, dikagumi dan dihormati. Bagi pemimpin transformasi, perkara ini penting demi mencapai matlamat wawasan kepimpinannya. Oleh itu, fokus Burns lebih terarah kepada kumpulan ataupun organisasi. Berbanding Burns yang cukup percaya akan kaedah transformasi semula, Bass yakin bahawa transformasi patut bergerak secara dua hala antara pemimpin dengan yang dipimpin.

Pemimpin transformasi memberi inspirasi kepada pengikutnya untuk mengatasi kepentingan diri sendiri demi kepentingan organisasi dan juga berkebolehan memberi kesan yang mendalam dan luar biasa kepada pengikutnya. Pemimpin transformasi bukan sahaja komited untuk merubah organisasinya tetapi pada masa yang sama, mereka juga komited untuk mengubah dan membangunkan pengikutnya. Mereka membangunkan dan mengajar pengikut dengan cara menjajarkan matlamat mereka dengan wawasan organisasi di samping memperkasakan mereka untuk mengambil tanggungjawab yang lebih besar supaya wawasan tersebut dicapai. Rajah 1 memaparkan dimensi yang terbabit dalam teori kepimpinan transformasi yang diasaskan oleh Burns (1978) dan Bass (1990):



RAJAH 1. Dimensi Dalam Teori Kepimpinan Transformasi

Kepimpinan transformasi boleh diteliti daripada empat dimensi sebagaimana yang dinyatakan oleh Burns dan Bass. Setiap dimensi ini diperhalusi lagi dengan ciri atau sifat yang tertentu. Dimensi pemimpin transformasi yang pertama ialah pemimpin tersebut hendaklah memiliki karisma. Bass (1998) memperjelaskan bahawa sifat-sifat pemimpin yang bersifat karismatik sebagai seorang pemimpin yang sanggup berkorban demi kepentingan organisasi dan bersifat optimis terhadap visi dan misi yang ingin dicapai serta berani menghadapi risiko. Pemimpin transformasi adalah sebagai suri teladan, dikagumi dan dihormati oleh pengikutnya. Disebabkan para pengikutnya sangat yakin kepada pemimpin transformasi, mereka sanggup berkongsi matlamat dan perjuangan yang sama.

Dimensi pemimpin transformasi yang kedua ialah mempunyai stimulasi atau rangsangan intelek. Hal ini demikian kerana pemimpin transformasi berupaya menjadikan para pengikutnya mampu mengenal pasti pelbagai cabaran dan halangan yang ada di depan mereka dan menjadikan mereka orang yang berani menghadapi dan menyelesaikannya. Dengan itu, pemimpin transformasi secara tidak langsung mengajak pengikutnya berfikir secara kreatif dan bukan hanya menyalahkan orang lain atau sebagainya dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Dimensi yang ketiga ialah pemimpin transformasi sebagai motivasi berinspirasi kepada pengikutnya. Pemimpin transformasi mempunyai sifat yang mampu memotivasikan pengikutnya, menaikkan semangat juang serta berupaya untuk menyahut cabaran masa hadapan. Pemimpin transformasi merupakan pemimpin yang sering menginspirasi

pengikutnya pada tahap pencapaian yang tinggi dan cara menunjukkan kepada pengikut bagaimana tugas mereka memberi sumbangan kepada suatu pengakhiran yang baik.

Dimensi yang keempat ialah pertimbangan individual. Pemimpin transformasi mengambil berat terhadap kepentingan setiap individu yang dipimpin. Mereka sanggup mendengar dan menyelesaikan masalah individu demi individu. Setiap orang dianggap penting dan diberi layanan yang khusus. Mereka mencari waktu untuk bercakap dengan setiap orang serta bercakap kepada kumpulan. Pemimpin-pemimpin seperti ini akan mewujudkan suatu suasana yang amat selesa dalam kalangan pengikut dengan sentiasa memberi galakan dan sokongan kepada mereka dan saling menghormati antara satu sama lain.

CITRA WANITA SEBAGAI PEMIMPIN DALAM *MATRIARK*

Kepimpinan transformasi bermatlamat untuk meningkatkan nilai moral dan motivasi pengikut sehingga ke tahap subordinat berupaya berfikir tentang apa yang boleh disumbangkan kepada organisasinya. Burns (1978) merumuskan individu yang dilabelkan sebagai pemimpin transformasi adalah pemimpin yang melibatkan diri dengan orang lain melalui cara yang tersendiri sehingga pemimpin dan pengikutnya dapat meningkatkan motivasi dan semangat bekerja ke tahap yang lebih tinggi. Menurut Bass (1990) pula, teori kepemimpinan transformasi adalah suatu keperluan yang komprehensif dalam organisasi kini. Beliau melihat teori kepemimpinan transformasi sebagai satu aspek yang sangat penting dalam membawa perubahan kerana gaya kepemimpinan tersebut berupaya meningkatkan motivasi dan inspirasi dalam kalangan subordinat.

Kejayaan atau kegagalan sesuatu organisasi dalam mencapai matlamat yang dirancang sangat bergantung kepada pemimpin dan kepimpinannya (Muhd Norizam et al., 2017). Selain motivasi, prestasi dan kejayaan bagi sesebuah institusi juga sangat dipengaruhi oleh kualiti pemimpin dalam institusi tersebut. Dalam novel *Matriark*, pengarang jelas memaparkan watak wanita sebagai seorang pemimpin transformasi yang memiliki motivasi dan inspirasi yang tinggi. Watak utama novel ini, Aisyah selaku pemimpin Teratak Aisyah, berusaha untuk melakukan yang terbaik buat anak-anak teratak dengan menjadikan dirinya sebagai mentor, melindungi, mendidik, menyelesaikan masalah, membentuk budaya yang baik, melayan mereka dengan penuh keadilan, mendorong mereka mencapai kejayaan dan tidak terkecuali juga memotivasikan mereka. Motivasi tersebut merupakan perkara yang sangat penting dalam usaha memastikan anak-anak gelandangan sentiasa bersemangat dan terdorong untuk melakukan kebaikan. Walaupun mereka lahir dalam pelbagai latar belakang yang berbeza, keadaan ini tidak menjadi penghalang untuk mereka berjaya di masa akan datang. Citra wanita sebagai pemimpin ini boleh dikupas berdasarkan empat dimensi dalam teori kepemimpinan transformasi iaitu, karisma, rangsangan intelek, motivasi berinspirasi dan pertimbangan individual.

Karisma

Karisma merupakan satu kualiti kepemimpinan transformasi yang sukar ditemui dan tidak semua orang memiliki kelebihan tersebut. Karisma hanya muncul apabila pengikut berasa sangat yakin dan pasti dalam setiap tindakan yang ditunjukkan oleh pemimpin sehingga mereka membenarkan sahaja perkataan dan perbuatan pemimpin tersebut. Sebagai seorang pemimpin, apabila seseorang itu berupaya menjadikan suatu impian ibarat suatu kenyataan yang pasti akan terjadi, pasti dengan sukarela pengikut mahu menyokong impiannya itu. Bukan itu sahaja, pemimpin karisma juga akan berupaya mewujudkan visi dan misi di dalam organisasi,

menanam rasa bangga dalam diri setiap pengikutnya, mewujudkan penghormatan serta kepercayaan dalam diri setiap pengikut untuk mencapai perubahan yang diinginkan.

Konsep karisma pada mulanya digunakan bagi menerangkan mengenai bakat istimewa yang dimiliki oleh individu yang boleh memberi mereka keupayaan membuat perkara-perkara yang luar biasa. Karisma merupakan karakter personaliti istimewa yang boleh memberi seorang itu kuasa manusia lebih tinggi dan berkecuali. Di sebalik penekanan Weber (1968) mengenai karisma sebagai ciri-ciri personaliti, beliau juga mengenal pasti peranan penting yang dimainkan oleh pengikut dalam pengesahan karisma itu. Menurut Burns (1978) pula, pemimpin transformasi berkarisma ialah pemimpin yang menggunakan karisma dan daya tarikan peribadi untuk membawa perubahan.

Faktor utama pemimpin transformasi harus mempunyai karisma atau pengaruh keunggulan adalah kerana pemimpin bertindak sebagai model yang kuat kepada para pengikut. Para pengikut mengenal pasti pemimpin ini dan mahu mencontohi mereka. Pemimpin seperti ini selalunya mempunyai tahap moral dan pengendalian etika yang tinggi yang boleh dikira dalam membuat sesuatu yang betul. Mereka ini dihormati oleh pengikut yang selalunya meletakkan satu kepercayaan yang mendalam pada pemimpin ini. Mereka juga memberikan pengikut satu visi dan juga misi (Abdul Ghani et al., 2008). Karisma juga menerangkan mengenai individu yang istimewa dan boleh membuat orang lain mengikut visi yang mereka tetapkan untuk masa depan. Kualiti karisma yang ada pada pemimpin dan juga tindak balas pengikut pada dirinya mampu mengubah keseluruhan cara atau gaya hidup, pemikiran dan sebagainya.

Dalam novel *Matriark*, watak utama mempunyai ciri kepimpinan berkarisma kerana para pengikutnya sangat yakin kepada pemimpin, mereka sanggup berkongsi matlamat dan perjuangan yang sama. Kepimpinan yang ditonjolkan bukan setakat mempunyai karisma malah melakukan pelbagai tugas dan tanggungjawab mentransformasikan pengikut serta organisasi yang dipimpin. Aisyah dilihat sebagai seorang pemimpin berkarisma apabila dia sanggup berkorban, berani mengambil risiko secara peribadi dan mengeluarkan perbelanjaan yang berpatutan bagi mencapai wawasan yang didukung. Matlamatnya adalah untuk menjadikan Teratak Aisyah sebagai sebuah madrasah yang gemilang di masa akan datang di samping memberikan perlindungan terhadap anak-anak gelandangan. Bersikap amanah ini adalah komponen penting dalam karisma dan para pengikut kepimpinan ini lebih mempercayai pemimpin yang teguh personaliti dan berisiko kehilangan hak peribadi dari segi status, wang, kedudukan kepimpinan dan keanggotaan dalam organisasi. Menjadi seorang yang amanah dan bertanggungjawab tidaklah mudah apatah lagi melibatkan harta peribadi sendiri.

Watak Aisyah dipaparkan sebagai seorang pemimpin wanita yang berani mengambil risiko dan berani menentukan sebarang tindakan yang bersesuaian dengan cabaran yang dihadapi. Keberanian di sini bermaksud tidak gentar untuk melakukan sesuatu perkara yang wajar, betul dan kena pada tempatnya. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

... Hakikatnya, dia tidak mengharapkan Wan Abduh pulang pun. Biar Wan Abduh sibuk di gerai, sebab di gerai itu antara punca pendapatan yang menyara anak-anak terbiar. Biar aku yang uruskan. Wan Abduh lembut sangat. Senang dipijak orang. Biar aku yang bergaduh. Biar aku yang singsing lengan. Aku tak takut kompeni. Sebelum meneruskan agenda, Aisyah berpesan kepada anak-anak teratak supaya jangan keluar dari rumah (Samsiah, 2018: 309).

Berdasarkan petikan tersebut, Aisyah berani bertindak, berani mengambil keputusan dan lebih mengutamakan orang lain berbanding dirinya sendiri. Keberanian yang ditonjolkan menunjukkan bahawa dia bersedia berada di barisan hadapan bagi mengetuai pengikutnya dan bukan sekadar memberikan perintah dari belakang tabir. Aisyah juga berani bertindak segera

tanpa menanggung-nanggungkan sesuatu perkara. Sebagai contoh, Aisyah terus bertindak tanpa menunggu Wan Abduh pulang. Biarlah suaminya berada di gerai kerana punca pendapatan di gerai lebih penting untuk menyara anak-anak teratak. Demi kepentingan anak-anak teratak, dia sanggup berdepan dengan risiko berbahaya walaupun tanpa bantuan mana-mana pihak.

Keberanian Aisyah juga dapat dilihat apabila dia berani menghadapi risiko yang boleh mengancam nyawanya. Dia sanggup berkorban demi keselamatan penduduk kampung serta anak-anak teratak. Situasi ini jelas digambarkan dalam petikan berikut:

Jangan kau usik anak-anak aku! Dengus Aisyah. Kakinya yang tadi sengal-sengal dan sakit tiba-tiba jadi kuat. Makin laju dia berlari. Darah berasa mengalir pantas di pembuluh. Tubuh gempalnya melompat seperti kijang. Dia berdiri di hadapan rumah. Di berpecah seumpama srikandi Melayu. Matanya tajam memarah ke pemandu jentolak berbangsa India. Sama-sama tunjuk gagah. Masing-masing tidak mahu kalah. Tayar jentolak sudah berpusing. Pemandu India tidak hairan. Keyakinannya tinggi bahawa perempuan gemuk itu akan berlari pergi apabila jentolak menghampiri tubuhnya. Malangnya, apa yang dibayangkannya tidak berlaku. Aisyah keras macam patung di situ.

“Kau lenyek aku dulu kalau kau berani!” Aisyah mencabar. Suaranya lantang membelah Kampung Sempadan sehingga banyak penduduk kampung yang terpaku seketika. Mereka tunggu apa yang akan berlaku kelak (Samsiah, 2018: 312)

Petikan tersebut memperlihatkan perjuangan Aisyah yang berani menentang keganasan pihak kompeni bandar yang berusaha untuk memusnahkan kediaman penduduk Kampung Sempadan. Keadaan ini bukan sahaja mengancam keselamatan penduduk kampung, malah menimbulkan ketakutan mereka. Namun, Aisyah sedikit pun tidak gentar. Datanglah beribu-ribu jentolak sekali pun, dia tetap berani dan gagah mempertahankan hak milik mereka. Asalkan Teratak Aisyah selamat dan nasib anak-anak juga terbela. Berdasarkan peristiwa tersebut, watak yang dipaparkan oleh Aisyah secara tidak langsung telah mengangkat martabat seorang wanita terutamanya dalam kepimpinan. Walaupun fizikal Aisyah bertubuh gempal, berkerusi roda dan dilihat tidak berdaya melawan musuh, namun semangat dalam jiwanya telah mengatasi segalanya. Dia telah membuktikan bahawa tidak semua wanita lemah seperti yang disangka oleh masyarakat.

Rangsangan Intelek

Dimensi rangsangan intelek memperlihatkan pemimpin yang menggalakkan kecerdasan pengetahuan dan pembelajaran supaya pengikut dapat mencari penyelesaian masalah dengan dimensi pemikiran baru dan inovatif. Secara tidak langsung, dimensi ini secara intelektual merangsang pengikut mempelajari konsep, teknik dan prosedur baru serta menggalakkan pekerja untuk mencari idea dan perspektif yang berbeza dalam menyelesaikan masalah secara berkesan. Burns (1978) mendefinisikan rangsangan intelek sebagai proses yang mengaitkan pemimpin transformasional memberi sokongan atau rangsangan pengikutnya secara intelek. Rangsangan intelektual juga telah ditakrifkan sebagai faktor yang melibatkan bagaimana cara pemimpin merangsang pengikut untuk menjadi kreatif dan inovatif dan mencabar kepercayaan mereka sendiri dan juga nilai-nilai sebagaimana mereka melihat pemimpin dan organisasi (Northouse, 2007).

Pemimpin yang mempunyai stimulasi intelek merupakan seorang yang berani mencabar ‘status quo’ secara positif kerana beliau percaya perubahan dalam pemikiran akan membawa seluruh organisasi ke arah kecemerlangan. Faktor ini menggalakkan suatu bentuk pemikiran baru dalam menyediakan subordinat yang lebih rasional untuk bertindak terhadap

sebarang permasalahan yang timbul. Pemimpin intelektual ialah pemimpin yang mampu mengembangkan daya fikir individu-individu yang dipimpinnnya dan daya fikir individu-individu yang dipimpinnnya dan menolong mereka supaya menambahkan ilmu pengetahuan. Seseorang yang mempunyai ilmu akan dapat menyerlahkan kebijaksanaan sekali gus dapat melahirkan individu yang adil dalam membuat sesuatu tindakan atau keputusan (Nor Asma & Muhd Norizam, 2016).

Sebenarnya rangsangan intelektual ini amat berkait rapat dengan kebijaksanaan seorang pemimpin dalam menangani cabaran dan menguruskan pelbagai tuntutan pengikutnya. Seorang pemimpin yang bijaksana adalah pemimpin yang memiliki kecerdasan yang baik. Dengan kecerdasan yang baik atau akal yang panjang, seseorang pemimpin dapat menggunakan pertimbangan akalnya, atau budi caranya dengan adil dan saksama bagi kepentingan orang ramai dan bukan untuk kepentingan dirinya sendiri. Tambahan pula, mereka juga berupaya menggabungkan dan mentafsirkan maklumat yang banyak. Pemimpin yang mempunyai wawasan yang jelas memiliki kemampuan berfikir dalam pelbagai pendekatan bagi mencari alternatif serta mampu memperjelaskan atau memperhalusi sesuatu yang abstrak kepada yang nyata.

Berdasarkan novel *Matriark*, kebijaksanaan pemimpin ini jelas dapat dilihat pada watak Aisyah. Segala tindakan yang dilakukan oleh Aisyah adalah berdasarkan pertimbangan akal dan tidak bertindak secara terburu-buru. Hal ini dapat dilihat melalui konflik yang berlaku antara penduduk Kampung Sempadan dengan pihak kompeni bandar yang mendakwa bahawa tanah yang diduduki oleh penduduk kampung adalah milik mereka. Dalam hal ini, kebijaksanaan seorang pemimpin diperlukan dalam proses membuat keputusan dan mencari alternatif yang terbaik bagi menangani masalah ini. Tindakan Aisyah yang tidak terus tunduk dan akur dengan arahan pihak kompeni bandar selagi tiada bukti yang kukuh merupakan tindakan yang bijaksana. Kebijaksanaan Aisyah ini telah mempengaruhi pengikutnya untuk terus bertahan dan berfikir secara kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah sehingga akhirnya pihak kompeni bandar terpaksa berundur.

Gambaran pemimpin wanita yang berpendirian teguh ini dapat dilihat pada watak Aisyah yang tegas mempertahankan hak atau tanah yang didiami oleh penduduk Kampung Sempadan termasuklah Teratak Aisyah. Dia juga bertekad untuk membela nasib anak-anak gelandangan. Berikut merupakan dua contoh petikan yang memaparkan situasi tersebut:

“Kamu ingat semudah itu kamu semua nak halau aku dan penduduk di sini? Nak halau kami! Kamu ini memang pengacau!” tempik Aisyah. Sakit sungguh hatinya dengan pihak Kompeni Bandar... (Samsiah, 2018: 18).

“Geran hak kami. Nama kami tertera pada geran, tapi malangnya geran disimpan di pejabat. Tentunya mereka ada agenda sebab geran kami tidak diserahkan. Selagi kaki kami mampu memanjat anak-anak tangga, kami akan panjat. Kami daki. Mak Cah akan usung tubuh gemuk Mak Cah ni. Tak larat usung dengan kaki, dengan kerusi roda Mak Cah daki. Mak Cah akan buat selagi Mak Cah terdaya (Samsiah, 2018: 248).

Kedua-dua petikan yang dipaparkan tersebut menunjukkan pendirian yang ditonjolkan oleh Aisyah tetapi dalam situasi yang berbeza. Berdasarkan petikan pertama, Aisyah tegas menentang pihak kompeni bandar yang datang menghalau penduduk Kampung Sempadan agar mereka segera beredar dari kawasan tersebut. Meskipun sudah berkali-kali diberi amaran oleh pihak kompeni agar berundur dari tapak tersebut, namun Aisyah dan pengikutnya tidak pernah menyerah kalah malah terus berjuang habis-habisan menentang kekejaman pihak pemaju.

Petikan kedua pula menunjukkan perjuangan Aisyah yang sanggup naik turun pejabat tanah berurusan dengan pihak atasan bagi mendapatkan geran tanah yang merupakan hak milik mereka suatu ketika dahulu. Hal ini demikian kerana pihak kompeni bandar mahu merampas kembali tanah yang menempatkan Teratak Aisyah yang kononnya dikatakan hak kerajaan. Berani membela yang benar, itulah prinsip yang dipegang oleh Aisyah agar keadilan dapat ditegakkan. Oleh itu, sikap berpendirian teguh ini perlu ada pada setiap pemimpin agar tidak mudah terpengaruh dengan anasir luar. Secara tidak langsung dapat memupuk kejujuran pemimpin tanpa sebarang unsur penipuan.

Motivasi Berinspirasi

Dimensi inspirasi motivasi ini berkaitan dengan sebaik mana pemimpin berkomunikasi tentang visinya, manipulasi imej dan membantu orang lain mendasari kerja agar lebih bermakna (Bass, 1990). Northouse (2007) pula menambah pemimpin-pemimpin yang berkomunikasi dengan harapan yang tinggi kepada pengikut, memberi inspirasi kepada mereka melalui motivasi bagi menjadikan mereka komited terhadap tugas dan sebahagian daripada visi yang dikongsi bersama dalam organisasi. Pemimpin transformasi mencetuskan inspirasi dalam kalangan pengikut melalui perbuatan mahupun kata-katanya. Pemimpin sebegini membimbing pengikutnya dengan menyediakan mereka tentang kesedaran terhadap cabaran dan pengertian terhadap apa sahaja yang dilakukan.

Pemimpin transformasi mengajak pengikutnya dengan merangsang dan memotivasikan mereka supaya mengambil bahagian dalam aktiviti organisasi ke arah pencapaian matlamat. Mereka tidak menentukan pelaksanaan dengan menggunakan peraturan, arahan dan dorongan kewangan tetapi lebih memusatkan kepada kualiti tersirat seperti visi, nilai yang dikongsi, idea yang dapat membina perhubungan atau mewujudkan kesepakatan agar mereka dapat mencipta sesuatu pembaharuan. Pemimpin jenis ini lebih cenderung memberikan sokongan moral terhadap para pengikut. Sehubungan dengan itu, sememangnya wajar sekiranya pengikut menganggap pemimpin transformasi sebagai seorang yang memberikan inspirasi, memotivasikan dan merangsang intelektual seperti menggalakkan masalah lama dan serupa diselesaikan dengan cara baru atau efektif.

Kejayaan sesebuah organisasi atau institusi dipengaruhi oleh tahap motivasi pemimpin serta pengikutnya. Selain motivasi, prestasi dan kejayaan bagi sesebuah institusi juga sangat dipengaruhi oleh kualiti pemimpin dalam institusi tersebut. Dalam novel *Matriark*, pengarang jelas memaparkan watak wanita sebagai seorang pemimpin transformasi yang memiliki motivasi dan inspirasi yang tinggi. Misalnya, Aisyah selaku pemimpin Teratak Aisyah, dia berusaha untuk melakukan yang terbaik buat anak-anak teratak dengan menjadikan dirinya sebagai mentor, melindungi, mendidik, menyelesaikan masalah, membentuk budaya yang baik, melayan mereka dengan penuh keadilan, mendorong mereka mencapai kejayaan dan tidak terkecuali juga memotivasikan mereka. Motivasi tersebut merupakan perkara yang sangat penting dalam usaha memastikan anak-anak gelandangan sentiasa bersemangat dan terdorong untuk melakukan kebaikan. Walaupun mereka lahir dalam pelbagai latar belakang yang berbeza, keadaan ini tidak menjadi penghalang untuk mereka berjaya di masa akan datang.

Dalam novel *Matriark*, pemimpin yang menjadi inspirasi serta tauladan kepada pengikutnya jelas dapat dilihat pada Aisyah. Dia telah menjadikan kisah hidupnya sebagai pengajaran dan motivasi kepada orang lain. Hal ini demikian kerana seseorang individu lebih cenderung untuk mengenal dirinya selepas menempuh kehidupan yang penuh pancaroba sama ada dipenuhi dengan kenangan pahit atau kenangan manis. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

“Jadikan kisah Mak Cah sebagai kekuatan. Sebagai semangat. Jangan merintih. Jangan meminta. Hidup ialah perjuangan. Berjuang terus. Masa ini bukan masa untuk bersedih atau berhiba. Kamu orang-orang muda kena bangkit. Jadi orang-orang berilmu. Jadi orang hebat. Jadi orang yang bertanggungjawab pada agama, pada bangsa dan negara. Masa depan milik kamu. Tanah ini milik kamu. Hak kamu!...” (Samsiah, 2018: 252).

Petikan tersebut menunjukkan dialog antara Aisyah dengan anak-anak muda kumpulan RICHOUT, iaitu sukarelawan yang membantu anak-anak gelandangan. Melalui peristiwa tersebut, Aisyah telah menjadikan kisah hidupnya sebagai pembakar semangat kepada mereka agar tidak mudah menyerah walaupun terpaksa berdepan dengan pelbagai rintangan dan dugaan dalam kehidupan. Ayat pada baris kelima yang ditekankan oleh Aisyah yang berbunyi “... Masa depan milik kamu. Tanah ini milik kamu. Hak kamu!...” menunjukkan bahawa Aisyah sangat mementingkan masa depan anak-anak muda tersebut kerana dia terlebih dahulu melalui pengalaman dan asam garam kehidupan. Sebolehnya dia tidak mahu sejarah silamnya itu berulang kembali dan berusaha mengubah nasib mereka ke arah yang lebih baik.

Aisyah telah memandang masa depan yang cemerlang dengan merujuk sejarah lalunya kerana ingin menebus kembali kehidupan yang lalu ke arah yang lebih baik, atau mengekalkan kejayaannya dahulu. Namun, bukan mudah untuk menebus atau mengekalkan kejayaan. Hal ini demikian kerana, sesebuah kejayaan adalah berdasarkan kesedaran insan, ditambah pengalaman dan kekuatan azam atau cita-cita seseorang. Bagi Aisyah, kesedaran harus dipupuk dengan lebih awal terhadap anak-anak muda tersebut kerana merekalah yang bakal menerajui tampuk kepimpinan pada masa akan datang dan mereka juga yang akan kembali membantu serta meringankan beban rakyat.

Peristiwa berikutnya menunjukkan bahawa para pengikut Aisyah sendiri telah menjadikannya sebagai sumber inspirasi dan motivasi untuk terus berjuang dalam hidup. Hal ini menunjukkan bahawa sikap positif dalam diri Aisyah juga mampu mempengaruhi kehidupan orang lain dengan perkara yang baik. Berikut merupakan dua contoh petikan yang diambil daripada novel *Matriark*:

Teringat Aisyah, Rykal rasa sayu, tetapi teringat pesan wanita berhati waja itu, dia jadi bersemangat.

“Aku ingat kata-katanya. Jangan keluh kesah, jangan merintih, jangan meminta-minta. Terus berjuang untuk hidup. Ayat yang sangat *power* dan menusuk. Tersentak aku yang muda dan masih mampu ini,” ujar Rykal... (Samsiah, 2018: 256).

“Abang Hassan kagum dengan kamu, Cah. Dalam keadaan kamu begini, kamu suami isteri gigih membantu anak-anak gelandangan. Kamu yang buat Abang Hassan jadi kuat dan bersemangat untuk bertahan di tanah ini” (Samsiah, 2018: 32).

Kedua-dua petikan tersebut menunjukkan bahawa Aisyah memiliki pengaruh yang luar biasa sehingga mampu membuatkan setiap orang yakin dengan segala percakapan dan perbuatannya. Aisyah merupakan seorang pemimpin yang diyakini, dihormati, ditaati dan disanjung oleh para pengikutnya. Berdasarkan petikan pertama, percakapan Aisyah telah menyedarkan Rykal bahawa jangan terlalu banyak mengeluh ketika menjalani kehidupan yang sulit kerana mengeluh hanya akan menambah masalah, malah dia sepatutnya bersyukur terhadap apa yang dimiliki. Dalam diam, dia berasa kagum dengan pendirian dan cara Aisyah berfikir. Wanita tersebut seolah-olah telah meniupkan semangat dalam jiwa mudanya. Apa jua rintangan yang datang, dia harus berjuang untuk kehidupan yang lebih baik.

Petikan kedua pula memperlihatkan Abang Hassan, iaitu salah seorang penduduk kampung yang mengagumi keikhlasan Aisyah dalam menguruskan anak-anak teratak. Walaupun dia dan suaminya hidup cukup-cukup makan, namun dia sedikit pun tidak mengeluh, malah masih gigih membantu mereka yang memerlukan. Dia tahu pendapatan suaminya yang berniaga di gerai buah-buahan bukanlah banyak sangat, namun pendapatan daripada sewa rumah daripada penduduk kampung yang banyak membantu. Oleh yang demikian, sikap yang ditonjolkan oleh Aisyah secara tidak langsung telah memberikan inspirasi kepadanya untuk terus bertahan di tanah ini terutamanya dalam mempertahankan tanah milik Kampung Sempadan daripada dirampas oleh pihak kompeni bandar.

Selain daripada menjadikan dirinya sebagai contoh kepada orang lain, Aisyah juga menjadikan Siti Naemah sebagai pencetus ilham buat dirinya sendiri. Baginya, wanita tersebut merupakan punca untuk dia terus bangkit dan tidak mudah mengalah dalam hidup. Hal ini dipaparkan dalam petikan berikut:

“Bersama ibu, Mak Cah belajar macam-macam. Belajar untuk bangkit. Belajar hidup. Belajar untuk mempertahankan hak. Sekarang, Mak Cah dah hilang rasa takut. Macam ibu kata pada Mak Cah. Dia tak takut sesiapa pun kat dunia ini. Dia hanya takut Allah sahaja. Dia dah pergi, tapi semangat kental yang dia miliki, dia tinggalkan pada Mak Cah.” Wajah Aisyah tiba-tiba bercahaya. Ada kegembiraan setiap kali nama Siti Naemah meniti bibirnya (Samsiah, 2018: 251).

Petikan tersebut menunjukkan bahawa Aisyah telah menjadikan ibu mertuanya, iaitu Siti Naemah sebagai pencetus inspirasi. Hal ini demikian kerana, melalui Siti Naemahlah dia belajar tentang erti kehidupan. Jatuh bangun Aisyah adalah bersama wanita tersebut. Siti Naemah seolah-olah telah menyalurkan kekuatan kepadanya untuk terus bersemangat menjalani kehidupan meskipun wanita tersebut sudah tiada. Di samping menjadikan kisah hidupnya sebagai pengajaran kepada orang lain, dia juga merujuk kepada kisah silam ibunya sebagai pencetus inspirasi. Di sebalik kejayaan yang dicapai, sebenarnya ada seseorang yang memberi dorongan dan sokongan terhadapnya. Oleh itu, Aisyah tidak pernah lupa jasa Siti Naemah dan menghargai setiap pengorbanan yang dilakukan oleh wanita itu sehingga dia menjadi insan yang kuat dan tabah sehingga kini.

Pemimpin wanita merupakan golongan yang memainkan peranan yang penting dalam sesebuah struktur masyarakat. Peranan tersebut merujuk kepada melangkaui peringkat negara mahupun di peringkat unit terkecil di dalam sesebuah masyarakat iaitu institusi negara. Dalam novel *Matriark*, watak wanita jelas memaparkan ciri seorang pemimpin yang mencetuskan ilham kerana berjaya mengubah pengikutnya ke arah kebaikan. Oleh itu, pemimpin wanita mestilah menunjukkan contoh yang baik atau menjadi *role model* di mata masyarakat agar dapat menginspirasi semua orang termasuklah pengikutnya. Walau bagaimanapun, seseorang pemimpin mestilah terlebih dahulu memperbaiki kelemahan diri, meningkatkan kemahiran serta memupuk akhlak yang mulia dalam diri mereka sebelum memotivasikan orang lain. Hal ini kerana akhlak dapat mengangkat martabat seorang pemimpin (Muhd Norizam & Nor Asma, 2018). Seorang pemimpin yang baik akan turut menjadi ikutan para pengikutnya dan mempengaruhi mereka untuk melakukan kebaikan.

Pertimbangan Individual

Pemimpin transformasi juga merupakan seorang yang mempunyai pertimbangan individual. Mereka memberi tumpuan dan perhatian terhadap keperluan dan potensi tertentu dalam membangunkan pengikut-pengikutnya. Pemimpin transformasi menganggap setiap pengikutnya sebagai seorang individu yang perlu dihormati. Pemimpin-pemimpin seperti ini

akan mewujudkan suatu iklim yang amat selesa dalam kalangan pengikut dengan sentiasa memberi galakan dan sokongan kepada mereka dan sebarang perbezaan dihormati. Interaksi di antara pemimpin ini dengan pengikutnya membina hubungan yang kondusif kerana pemimpin transformasi peka terhadap pengikutnya sebagai seorang individu (Nursyafina, Aida Hanim & Ghazali, 2018: 23). Pemimpin transformasi menuntut kepekaan pemimpin agar menghormati perbezaan sesama individu dan tidak menjadikannya sebagai suatu halangan dalam membentuk kesepakatan dalam mencapai matlamat organisasi.

Para pemimpin yang memanfaatkan ciri pertimbangan individual akan memberikan bantuan dan mendengar secara berhati-hati kepada keperluan individu pada setiap pengikut. Para pemimpin berperanan sebagai penasihat atau jurulatih yang cuba membantu individu lain ke arah yang lebih baik. Pemimpin ini mungkin menggunakan delegasi sebagai maksud membantu pengikut membangun melalui cabaran peribadi dalam setiap individu. Contohnya, seorang pemimpin cuba untuk meluangkan masanya dengan melayan setiap kerendah pengikutnya dengan mengambil berat dengan kaedah yang unik. Kepimpinan transformasi ini membantu para pengikutnya bagi mengatasi minat peribadi untuk kebaikan sesebuah organisasi.

Pemimpin yang prihatin kepada individu ialah pemimpin yang sanggup memberi perhatian peribadi kepada mana-mana individu di bawah kepimpinannya dan sedia membantu pengikutnya. Pemimpin transformasi bukan sahaja memberi ganjaran kepada pengikutnya malahan memberi perhatian kepada keperluan dan perkembangan pengikutnya. Kekuatan kepimpinan transformasi adalah keprihatinan pemimpin itu pada kehendak, nilai dan moral pengikutnya. Perhatian sebegini membuatkan pengikutnya menjalankan tugas yang diberikan dengan baik tanpa mengharapkan sebarang ganjaran. Perasaan dihargai dan persefahaman wujud antara pemimpin dan orang yang dipimpin. Bass (1998) mencadangkan model kepimpinan transformasi melibatkan usaha oleh seorang pemimpin dalam menghargai pengikutnya ke aras yang lebih tinggi daripada seorang yang menjalankan tugas sahaja.

Dalam novel *Matriark*, ciri pertimbangan individual ini terserlah pada watak Aisyah sebagai seorang pemimpin wanita. Aisyah sangat prihatin terhadap nasib golongan gelandangan yang sebahagiannya berpunca daripada kesempitan hidup, perpecahan keluarga, kemiskinan dan kesihatan yang kurang memuaskan. Dalam erti kata lain, mereka lahir dalam latar belakang keluarga yang kurang bernasib baik. Disebabkan itu, Aisyah telah menjadikan tempat tinggalnya sebagai penempatan khas buat anak-anak gelandangan dan sanggup membiayai mereka secara percuma. Mereka yang datang menumpang di Teratak Aisyah akan diberi layanan yang baik, diberi perlindungan, didikan yang sempurna dan diajar dengan pelbagai kemahiran yang berguna untuk masa depan mereka. Aisyah juga merupakan seorang pendengar yang baik terhadap setiap masalah yang dihadapi mereka dan berusaha untuk mencari jalan penyelesaian bagi masalah tersebut.

Selain itu, Aisyah juga menjadikan tempat tinggalnya sebagai penempatan khas buat mereka yang kurang bernasib baik dan sanggup membiayai mereka secara percuma. Hal ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Di teratak itulah anak-anak terbiar itu makan minum dan mengaji al-Quran. Ada yang menjadikan teratak itu sebagai transit. Ada yang memang menetap di situ bersama dia dan suami. Ada yang macam biskut Chipsmore, sekejap ada sekejap tiada. Pendek kata, Teratak Aisyah ialah rumah tumpangan percuma untuk anak-anak terbiar dan anak-anak gelandangan. Bukan di bawah kelolaan kerajaan atau mana NGO, tetapi atas ihsannya sebagai insan. Dia tidak mengenakan sebarang bayaran. Malah, Aisyah dengan reda dan ikhlas mempersilakan mana-mana anak terbiar untuk singgah dan makan minum di situ (Samsiah, 2018: 88).

Petikan tersebut membuktikan bahawa Aisyah seorang pemimpin yang bertanggungjawab melindungi pengikutnya dengan menjadikan rumahnya sebagai teratak kebajikan secara percuma kepada anak-anak terbiar dan anak-anak gelandangan. Teratak tersebut bukan sahaja dijadikan sebagai tempat perlindungan, malah dijadikan tempat untuk menimba ilmu pengetahuan. Anak-anak teratak juga diajar tentang ilmu agama seperti mengaji al-Quran dan solat di samping ilmu-ilmu kemahiran seperti memasak, berniaga, berkebun dan sebagainya. Teratak Aisyah sering dijadikan sebagai tempat persinggahan, umpama ‘tangan yang menarik ketika terjatuh’ atau ‘bahu yang menumpang untuk bersandar dan menangis’, kerana menerima hampir semua golongan dengan penuh kasih sayang di teratak miliknya.

Walaupun ada dalam kalangan anak-anak teratak sudah membawa haluan masing-masing, namun hubungan baik antara mereka masih diteruskan. Namun begitu, tugas yang digalas sejak pembukaan rumah perlindungan itu memang tidak mudah dilaksanakan. Hal ini demikian kerana teratak tersebut dibuka atas dasar ihsan, bukannya di bawah kelolaan mana-mana pihak kerajaan atau NGO tetapi Aisyah tetap ikhlas membantu mereka yang memerlukan. Bagi Aisyah, golongan seperti itu perlu diberi peluang dan disayangi kerana mereka mampu menjadi insan yang lebih berjaya dengan sokongan orang terdekat dan masyarakat tanpa mengimbuai kembali kesilapan yang pernah dilakukan.

Bagi Aisyah, anak-anak terbiar tersebut perlu diberikan sokongan dan bantuan kerana mereka juga mempunyai hak untuk menikmati kualiti hidup yang baik dalam masyarakat. Oleh itu, Aisyah bertanggungjawab menyediakan kemudahan yang terbaik buat anak-anak gelandangan semasa berada di Teratak Aisyah termasuklah kemudahan makan, minum, tempat tidur dan sebagainya. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

Nasib baik ada manusia berhati emas macam Aisyah. Dia kutip budak-budak terbiar jadi anak angkat. Tanggung segala makan minum dan tempat tinggal sedang dirinya sendiri tidak berada. Mengenangkan Aisyah yang mengambil inisiatif bela anak-anak terbiar, takut jadi pelacur, bimbang jadi sampah masyarakat, Insyirah jadi sebak... (Samsiah, 2018: 267).

Tanggungjawab yang digalas oleh Aisyah telah membuatkan Insyirah kagum terhadapnya kerana bukan calang-calang orang boleh berbuat demikian. Segelintir wakil rakyat yang diberi peruntukan, diberi kemudahan yang macam-macam pun tidak sanggup mencemarkan kaki datang ke lubuk orang-orang miskin, apatah lagi orang-orang biasa. Teratak Aisyah sememangnya memerlukan bantuan kerajaan, perlukan duit dan peruntukan, kemudahan, namun Aisyah memikul tanggungjawab tersebut tanpa satu sen pun duit atau peruntukan daripada kerajaan. Keikhlasan Aisyah dalam melaksanakan bertanggungjawab terhadap anak-anak gelandangan itu telah membuatkan Insyirah turut terdorong melakukan perkara yang sama. Oleh itu, dia dengan sukarela datang ke Teratak Aisyah setiap hari selepas waktu persekolahan semata-mata ingin membantu Aisyah menguruskan anak-anak teratak.

Di sini dapatlah diketahui dan difahami bahawa peranan dan tanggungjawab seorang wanita adalah amatlah besar sebagaimana yang dipamerkan pada watak Aisyah dalam novel *Matriark*. Hal ini boleh dilihat bagaimana peranan wanita itu sebagai seorang pemimpin yang perlu melaksanakan amanah, tugas serta komitmen dalam tugasnya. Namun begitu, tanggungjawab wanita tidak terhenti setakat itu sahaja apabila wanita juga berperanan dalam pembangunan institusi kekeluargaan iaitu menjadi tulang belakang dan tunggak kepada keharmonian sesebuah keluarga serta menggalas peranan sebagai penyokong kepada suami dan anak-anak. Selain berbakti kepada orang lain, seorang pemimpin juga wajib menunaikan tanggungjawab kepada Tuhan yang Esa bagi menjamin kesejahteraan dan kecemerlangan dalam hidup.

KESIMPULAN

Citra wanita yang digambarkan oleh pengarang pada watak Aisyah dalam novel *Matriark* telah berjaya meletakkan watak tersebut sebagai seorang pemimpin transformasi yang berkualiti. Berlandaskan teori kepimpinan transformasi, terbukti bahawa wanita juga berupaya menceburi pelbagai bidang termasuklah bidang kepimpinan dan tidak terhad kepada institusi kekeluargaan atau rumah tangga semata-mata. Hal ini secara tidak langsung berjaya mengikis stereotaip atau persepsi masyarakat umum yang selama ini memandang rendah terhadap keupayaan wanita. Melalui novel *Matriark*, kepimpinan wanita juga turut menekankan keperluan dalam memberi peluang kepada golongan gelandangan untuk memperbaiki kualiti hidup mereka. Aisyah menginginkan kesempurnaan untuk perkembangan anak-anak gelandangan dan mencari jalan yang terbaik untuk mendidik dan membesarkan mereka dengan penuh kasih sayang.

Kepimpinan transformasi dianggap sebagai pendekatan yang paling sesuai bagi mencerminkan inti pati kepimpinan wanita yang berkesan dalam situasi semasa. Pemimpin wanita lebih cenderung untuk menggunakan gaya kepimpinan ini kerana harmoni dengan peranan gender mereka dan peranan pemimpin dalam organisasi. Wanita juga lebih banyak menunjukkan ciri-ciri pemimpin transformasi daripada segi memberi sokongan dan memotivasikan pengikut. Teori kepimpinan transformasi yang terdiri daripada empat dimensi iaitu pengaruh karisma, rangsangan intelek, motivasi berinspirasi dan pertimbangan individual mencerminkan keunggulan citra wanita sebagai pemimpin dalam novel *Matriark*.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Abdullah, Abd. Rahman Abd. Aziz & Mohammed Zohir Ahmad. 2008. *Gaya-gaya Kepimpinan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing.
- Abdul Jalil Ramli. 2014. Wanita dalam Novel-novel Terpilih Pramoedya Ananta Toer: Satu Kajian Subaltern. Tesis Dr. Fal. Tidak Diterbitkan. Universiti Sains Malaysia.
- Afirah Osman Yusof. 2014. Citra Wanita Melayu: Penelitian Novel *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Harga Sebuah Maruah*. Tesis Dr. Fal. Tidak Diterbitkan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Anon. 2019. Penglibatan Wanita Peringkat Kepimpinan Masih Rendah. *Sinar Harian*, 8 Mac: 3.
- Bass, B.M. 1990. From Transactional to Transformational Leadership: Learning to Share the Vision. *Journal of Organizational Dynamics*, 18, 19-31.
- Bass, B.M. 1998. *Transformational Leadership: Industrial, Military, and Educational Impact*. Mahwah, N.J: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Burns, J.M. 1978. *Leadership*. New York: Harper & Row.
- Eagly, A.H. & Carli, L.L. 2007. Women and the Labyrinth of Leadership. *Harvard Business Review*, 85(9), 62-71.
- Hennink, M., Hutter, I. & Bailey A. 2012. *Qualitative Research Methods*. London: SAGE Publication.
- Muhd Norizam Jamian & Nor Asma Ab Aziz. 2018. Akhlak Pemimpin dalam *Hikayat Isma Yatim*: Satu Analisis Pendekatan Adab. *Jurnal Melayu*, 17(2), 255-276.
- Muhd Norizam Jamian, Mohd Yuszaidy Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah & Yusmilayati Yunos. 2017. Keadilan Teras Kepimpinan Raja-Raja Melayu: Dari Era Tradisi Ke Kontemporari. *Jurnal Melayu*, 16(1), 62-81.
- Nor Asma Ab Aziz & Muhd Norizam Jamian. 2016. Keadilan Teras Kepimpinan Raja-Raja Melayu: Dari Era Tradisi Ke Kontemporari. *Jurnal Melayu*, 15(1), 50-66.
- Norfadilla Wagiman. 2017. Tema Tentang Wanita dalam Kajian Perbandingan Tematik. Tesis Sarjana. Tidak Diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Northouse, P.G. 2007. *Leadership: Theory and Practice*. 4th Edition. California: Sage Publications.
- Nurhasmira Mat Rusok, Roslina Abu Bakar, Arbai'e Sujud & Rozita Mohamed Noor. 2019. Emansipasi Wanita dalam Sosial Menerusi Novel-novel Pilihan 1960-an sehingga 1990-an. *Jurnal Kesidang*, 4, 38-52.
- Nursyafina Saffiee, Aida Hanim Abdul Hamid & Ghazali Darusalam. 2018. Amalan Kepimpinan Transformasional dalam Kalangan Guru Besar Terhadap Keberkesanan Sekolah di Daerah Subis. *Journal of Education*, 2(2), 21-28.
- Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. 2018. Karisma Wanita dalam Novel *Nenek Karya Razali Endun*. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5(1), 44-54.
- Samsiah Mohd. Nor. 2018. *Matriark*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahizah Ismail Hamdan. 2013. Imej Wanita dalam Fiksyen Sains Melayu Kontemporari. Dlm. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (Penyt.). *Gender dalam Sastera Melayu*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir (Penyt.). 2013. *Gender dalam Sastera Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Weber, M. 1968. *Economy and Society: An Outline of Interpretive Sociology*. New York: Bedminster Press.

Biodata Penulis:

Muhd Norizam Jamian adalah pensyarah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah kesusasteraan Melayu tradisional khususnya perundangan dan ketatanegaraan Melayu.

Nursyaza Ilyana Shahrudin adalah mantan pelajar prasiswazah di Program Persuratan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang tumpuan beliau ialah kesusasteraan Melayu moden khususnya novel Melayu.